

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN**  
**KAWASAN : PETALING JAYA SELATAN**  
**TARIKH : 17.6.2014 (SELASA)**  
**NO. SOALAN : 105**

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bilangan kereta **PROTON** yang dieksport dalam tempoh lima tahun yang lalu dan usaha Kementerian untuk meningkatkan hasil pengeksporan.

## Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tempoh lima tahun yang lalu, iaitu dari tahun 2009 hingga 2013, jumlah kereta PROTON yang telah dieksport adalah sebanyak 84,093 unit.

Kerajaan dalam usaha menyokong pembangunan industri automotif tempatan, sentiasa menggalakkan PROTON sebagai projek nasional, untuk meningkatkan daya saingnya dengan mengambil langkah-langkah seperti, dengan izin, lebih *cost-effective*, berkualiti tinggi dan berteknologi terkini. Beberapa dasar dan langkah-langkah yang diperkenalkan di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP) juga bertujuan untuk membangun dan mengukuhkan lagi keupayaan dan daya saing PROTON. Sokongan yang diberi termasuklah bagi aktiviti-aktiviti dalam pelan transformasi PROTON yang selari dengan objektif projek nasional.

Malah, PROTON menyedari akan persaingan antarabangsa yang semakin pesat dan sengit, turut sedang memperhebatkan inisiatif-inisiatif eksport syarikat, dengan:

- (i) membuat semakan ke atas model perniagaan pasaran eksport bagi memenuhi matlamat jangka panjang syarikat;
- (ii) mengemaskini model-model terkini dan merancang model-model baharu bagi memenuhi permintaan di beberapa pasaran strategik seperti Middle East and North Africa, Afrika Selatan, ASEAN dan lain-lain;

- (iii) mengoptimum dan merasionalkan jumlah rangkaian anak syarikat dan peniaga antarabangsa bagi meningkatkan mutu jualan dan perkhidmatan; dan
- (iv) meningkatkan usaha pemasaran dan penjenamaan bagi memperkukuhkan keyakinan pengguna dalam negara dan di peringkat antarabangsa.